

Bengkel Pencegahan Awal Barah Payudara – 2 Julai 2002

Bengkel pencegahan awal barah payudara telah dianjurkan sempena Program Hari Bersama Pelanggan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga pada 2 Julai 2002. Dr Evelyn Ho, dari Kolej Radiologi, Akademi Perubatan Malaysia telah memberi ceramah serta demonstrasi bagaimana melakukan pemeriksaan sendiri payudara (PSP) yang efektif.



Para hadirin menumpu perhatian kepada penceramah. Barisan pertama: Puan Norasmah Samsudin, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (kanan) dan Puan June Yeoh, Presiden YCWA (kiri)

Selepas itu, Profesor Dr Siti Hajar Ahmad, daripada Persatuan Kebajikan Kanser Payudara telah menceritakan pengalamannya melawan penyakit barah payudara.

Bengkel ini telah diadakan di Dewan Nur, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) di Kuala Lumpur. Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia telah diwakili oleh Puan June Yeoh. KPWK tahun ini memainkan peranan yang penting dalam Kempen Kesedaran Barah Payudara 2002, anjuran NCWO bersama Kolej Radiologi dan Persatuan Kebajikan Kanser Payudara.



Dr Siti Hajar menceritakan pengalamannya melawan barah payudara



Bantal diletak di bawah bahagian bahu dan tangan sebelah dinaikkan



Tunjuk ajar diberi oleh wakil-wakil Persatuan Kebajikan Kanser Payudara



Para hadirin kemudiannya diberi peluang untuk merasa ketulan di "model silicon" payudara



Semasa merasa payudara, jari perlu selari dengan kulit payudara.



Para hadirin diajar bagaimana meneliti payudara mereka. Tangan dinaikkan dan badan pusing ke sebelah untuk meneliti tepi payudara